

# Tuan rumah Sukan Komanwel 1998

# KERAJAAN

# SO KONG — PM

12/01/1998

P

**DATO' Sri Dr. Mahathir Mohamad** berkata, "Kemampuan Malaysia menganjurkan sukan peringkat antarabangsa tidak boleh diragui kerana kerajaan sentiasa memberikan bantuan sama ada berbentuk kemudahan sukan mahupun kewangan untuk memastikan kejohanan yang dianjurkan berjaya.

Sehubungan itu beliau berkata, kerajaan menyokong penuh usaha Majlis Olimpik Malaysia (MOM) untuk membawa Sukan Komanwel 1998 ke negara ini.

"Dengan pengalaman menganjurkan pelbagai kejohanan di peringkat dunia, Malaysia memang mempunyai kemudahan dan kepakaran untuk menganjurkan sukan-sukan di peringkat antarabangsa pada masa depan.

"Sokongan yang diberikan rakyat dan kerajaan, Majlis Olimpik Malaysia mampu untuk menjayakan Sukan Komanwel 1998 dengan cemerlang dan

meriah," katanya semasa berucap sebelum melepaskan Larian Sokongan Sukan Komanwel 1989 di Dataran Merdeka di Kuala Lumpur semalam.

Di samping itu juga katanya, dalam beberapa tahun akan datang, negara ini akan menjadi tuan rumah kepada kejohanan badminton bagi Piala Thomas, Sukan Korporat Dunia, golf Piala Dunia dan Kejohanan Bolasepak Remaja Dunia.

Beliau berkata, rakyat negara ini menyokong sebarang aktiviti sukan kerana mereka percaya sukan merupakan faktor penyatuan masyarakat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum, bahasa, kebudayaan dan agama.

Turut hadir di majlis tersebut ialah 75 delegasi dari 51 negara yang menganggotai 6 Majlis Sukan Komanwel yang dibawa untuk melihat persiapan dan kemudahan sukan yang terdapat di negara ini.

"Sekiranya anda berpeluang untuk melawat seluruh negara ini, anda akan dapat melihat kita mempunyai pelbagai kemudahan sukan hinggan hampir di setiap bandar dan kampung mempunyai padang bola," ujar beliau.

Beliau berkata, ahli-ahh jawatankuasa Majlis Sukan Komanwel dibawa ke negara ini sebagai usaha untuk membolehkan mereka melihat sendiri dan berkongsi pengalaman sekiranya Malaysia diberi peluang untuk menganjurkan Sukan Komanwel 1998.

"Kami membawa anda ke sini bukan hanya untuk memperlihatkan sokongan kerajaan terhadap tawaran Majlis Olimpik Malaysia untuk menganjurkan Sukan Komanwel 1998 tetapi untuk menunjukkan sokongan padu rakyat terhadap usaha yang dijalankan.

"Ramai rakyat negara ini membayar dua ringgit sebagai tanda simbolik untuk menvertai larian yang dianjurkan

dan dalam tempoh tiga bulan akan datang ratusan ribu rakyat Malaysia akan melnkuakan beberapa acara lain sebagai tanda sokongan kepada usaha tersebut," katanya.

Beliau menambah, kegiatan sukan juga berupaya meningkatkan serta mengukuhkan persefahaman antara negara-negara anggota Komanwel.

Perdana Menteri berkata, sukan bukan sahaja boleh merapatkan hubungan antara rakyat negara Komanwel malah melalui sukan juga rakyat dari pelbagai negara boleh mengenali antara satu dengan lain dan mewujudkan hubungan persahabatan yang lebih erat.

"Usaha mewujudkan persefahaman melalui sukan adalah selaras dengan kehendak Komanwel iaitu melahirkan hubungan baik di kalangan negara anggota," katanya.